

22 APR 1997

Mahathir-Istana

MAHATHIR NAFI SULTAN CAMPUR TANGAN PERLANTIKAN MENTERI BESAR

BUTTERWORTH, 22 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan berlaku campur tangan istana dalam soal perlantikan Menteri Besar Selangor yang baru.

Beliau berkata isu campur tangan istana tidak timbul dan Sultan Selangor tidak berkata apa-apa mengenai bakal calon Menteri Besar negeri itu.

"Saya tidak tahulah apa yang Sultan cakap dengan pemberita tetapi Sultan tidak beritahu apapun kepada saya," kata beliau pada persidangan berita yang diadakan di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di sini sebelum berlepas pulang setelah mengadakan lawatan rasmi sehari ke negeri ini.

Yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon serta timbalannya, Datuk Mohd Shariff Omar.

Ditanya mengenai senarai calon yang dikemukakan kepada Sultan semalam, beliau berkata: "Tidak ada senarai, saya tidak ada sebarang senarai mengenai bakal-bakal calon Menteri Besar, saya fikir anda tersilap dengar (kenyataan Sultan)".

"Sultan sebenarnya meminta soal perlantikan Menteri Besar yang baru itu diselesaikan dalam tempoh seminggu dua lagi, jadi kita tunggulah seminggu dua," katanya.

Mengenai kriteria calon yang dipilih iaitu perlu "benar-benar bersih" bagi menggantikan Tan Sri Muhammad Muahamad Taib seperti yang dicadangkan Sultan Selangor, beliau berkata: "Beliau (Muhammad) adalah bersih semasa dipilih menjadi Menteri Besar dan saya tidak menuduh beliau tidak bersih sekarang, tetapi beliau terlibat dengan skandal, jadi kita tidak boleh cemarkan nama baik Umno."

Menjawab soalan mengenai memorandum yang dihantar oleh sekumpulan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) hari ini bagi membantah penyenaaraan Bakun Hydro-Electric Corporation Bhd di Bursa Saham Kuala Lumpur, Dr Mahathir berkata beliau telah bosan dengan kumpulan seperti itu kerana terlalu "mengada-ngada".

Katanya, mereka hanya diperalatkan oleh orang asing yang mempunyai kepentingan tertentu kerana tiba-tiba sahaja kumpulan itu muncul untuk mempertahankan alam sekitar sedangkan sebelum ini mereka tidak wujud.

Beliau berkata kerajaan membenarkan NGO membuat bantahan tetapi biarlah berpatutan serta tidak terlalu mengada-ngada.

"Mereka (orang Eropah) perlu jaga tepi kain sendiri sahaja, mereka sudah tebang pokok untuk pembinaan rumah, bina banyak empangan elektrik dan macam-macam lagi hinggan pokokpun sudah tidak ada lagi," kata beliau.

Sekumpulan NGO telah menghantar memorandum setebal 40 muka surat kepada Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Datuk Munir Majid bagi membantah penyenaaraan projek itu kerana mendakwa projek bernilai RM13.6 bilion itu membabitkan kos yang tinggi, memberi pulangan rendah dan berisiko tinggi.

Sebanyak 75 institusi kewangan tempatan dan firma pasaran saham dijangka menandatangani perjanjian itu pada 13 Mei ini bagi mengambilalih 375 juta saham Bakun Hydro-Electric Corporation bernilai RM750 juta.

Mengenai keputusan Mahkamah Pilihan Raya yang mengisytiharkan keputusan pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sarawak bagi kawasan Kemena yang dimenangi Menteri Kemajuan Tanah Negeri Datuk Celestine Ujang pada 7 dan 8 Sept lepas sebagai batal dan tidak sah, Dr Mahathir berkata, beliau perlu

mengkaji mengenai keputusan itu. -- BERNAMA
SA AA AKD